

Panduan Mendapatkan Pertolongan Rawatan Dadah

1. Setelah mengetahui bahawa anda ketagih pada dadah, maka anda perlu membuat keputusan untuk mendapatkan rawatan. Tanpa rawatan, keadaan ketagihan anda akan menjadi lebih parah.
2. Seelok-eloknya bercakap dan ceritakan masalah anda kepada adik-beradik, kakak atau abang anda yang boleh memahami masalah anda. Sememangnya, pada mulanya mereka akan marah anda terlebih dahulu, tetapi hakikatnya jika mereka prihatin, mereka akan bantu.
3. Jikalau tiada adik-beradik, ceritakan kepada seorang rakan yang paling rapat dengan anda. Jangan berselindung, ceritakan semua sekali kepada mereka. Kerana mereka yang akan bantu dalam rawatan anda kelak.
4. Selepas tahap ini, maka anda perlu memberitahu kepada ibu bapa anda. Dengan sokongan adik-beradik atau kawan rapat, ia memudahkan sedikit usaha memberi tahu ibu bapa anda. Pada mulanya mereka tentu akan marah, tetapi akhir sekali, mereka akan bantu mencari jalan penyelesaian untuk anda.
5. Buat temujanji dengan pegawai rawatan dan pemulihan AADK yang terdekat untuk mengetahui opsyen anda. Lazimnya mereka akan memberitahu apa pilihan anda untuk rawatan dan pemulihan. Anda akan diuji dan tahap keparahan penggunaan dadah akan dikenalpasti.
6. Ikuti program rawatan dengan baik agar anda dapat dibantu oleh AADK untuk pulih dari ketagihan dadah. Ibu bapa, adik beradik serta rakan rapat anda juga akan dijemput bersama dalam sesi tertentu. Jangan malu dan segan, kerana kepulihan anda itu yang terpenting bagi mereka.

